

## Nasional

# 'Pantau selalu sisa loji kumbahan'

Pengendali mesti pastikan buangan dilepas ke sungai ikut piawaian


Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof  
mohdfahmi@bh.com.my

**Johor Bahru:** Kerajaan negeri perlu melakukan pemantauan secara kerap semua sisa buangan Loji Rawatan Kumbahan (LRK) di Johor terutama yang dilepaskan ke saliran awam seperti yang berlaku di Sungai Danga, di sini baru-baru ini.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata pengendali loji sepatutnya bertanggungjawab memastikan sisa buangan yang dilepaskan memenuhi piawaian bagi memastikan kualiti air sungai bersih untuk hidupan aquatik.

Katanya, jika mahu memastikan kualiti air di mana-mana sungai termasuk Sungai Danga berada pada Kelas 2, segala sisa buangan yang dilepaskan mestilah tidak mengubah kualiti air kepada lebih buruk.

"Jika kerajaan inginkan air Sungai Danga pada tahap Kelas 2, segala sisa buangan mestilah tidak merubah kualiti air kepada



Sungai Danga yang kotor serta berbau berhampiran Kampung Orang Asli Bakar Batu Perling, Johor Bahru.

[Foto fail]

lebih buruk dan air kumbahan sepatutnya dirawat sama ada secara kimia atau biologi. "Selepas sesuai dengan keadaan barulah boleh dilepaskan ke sungai, kemudian petunjuk biologi boleh digunakan sebagai piawai kualiti air.

"Pihak bertanggungjawab mestilah memantau kualiti air kumbahan sebelum dilepaskan ke sungai bagi memastikan ia memepati piawaian dan tidak me-

nimbulkan masalah pencemaran pada masa depan," katanya ketika dihubungi semalam.

Ahmad berkata, kempen 'Cintai Sungai Kita' dan pendidikan masyarakat perlu diteruskan selain pemantauan serta penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa.

Minggu lalu, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Datuk Amran A Rahman, dilaporkan berkata pihaknya di-

maklumkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyatakan pencemaran Sungai Danga berpunca daripada pelepasan akhir dua loji Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) di Taman Bukit Indah dan Taman Perling.

Hasil pemantauan menggunakan dron, didapati ada perubahan warna air sungai daripada coklat kepada hitam berhampiran loji IWK di Jalan Simbang 19 di sini.



**kempen 'Cintai Sungai Kita' dan pendidikan masyarakat perlu diteruskan selain pemantauan serta penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa.**

**Ahmad Ismail,**  
Presiden Persatuan  
Pencinta Alam Malaysia